

25 kakitangan UMS-KAL sertai Bengkel Crystal Report

UB 12-10-2011 B12

LABUAN:Seramai 25 kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) telah menghadiri Bengkel Perisian Crystal Report di Makmal IDB universiti itu baru-baru ini.

Pegawai Teknologi Maklumat Kanan Bahagian Perkhidmatan Komputer dan Instrumentasi (BPKI) UMS-KAL, Suprianto Mohd Noor berkata bengkel dua hari itu bertujuan memberi penerangan mengenai proses menganalisis laporan berbanding mana-mana bentuk aplikasi laporan.

Katanya, bengkel itu menyediakan teknik membuat laporan yang baik secara

terkini mengenai data kewangan, sumber manusia, hal ehwal pelajar, pembangunan, pentadbiran dan teknologi maklumat.

“Bengkel ini terbuka kepada kakitangan yang bertanggungjawab mengendalikan data di UMS-KAL agar mereka mampu menyediakan laporan secara terkini, tepat dan pantas,” katanya.

Peserta bengkel itu mewakili Pejabat Bahagian Pentadbiran, Bahagian Perkhidmatan Akademik (BPA), Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Bahagian Perpustakaan, Keselamatan dan BPKI.



ALBUM ... Suprianto (duduk, empat dari kanan) bergambar kenangan bersama kakitangan yang menghadiri bengkel itu.